

**PEKELILING PENGARAH TANAH DAN GALIAN SELANGOR
BILANGAN 5/1973**

=====

**DASAR PENGELUARAN TANAH KERAJAAN YANG
DIKHASKAN UNTUK KEGUNAAN IBADAT**

Adalah didapati bahawa oleh sebab tidak ada dasar yang tertentu dibuat mengenai pengeluaran tanah-tanah untuk tujuan ibadat, maka adalah sesuai supaya satu dasar yang tertentu diadakan bagi mengeluarkan tanah-tanah untuk tujuan ibadat. Oleh itu Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Selangor yang bersidang pada 11hb Oktober 1973 telah membuat keputusan seperti berikut:-

- | | | |
|----|--|---|
| I | (a) Masjid | Dikhaskan (reserve) di bawah Seksyen 62 Kanun Tanah Negara |
| | (b) Surau | |
| | (c) Madrasah | |
| II | (a) Gereja atau Kuil-Kuil dan lain-lain bangunan agama | Bayaran-bayaran dan syarat-syarat yang dikenakan adalah seperti berikut:- |

<u>Syarat Pengeluaran Tanah Kepada II</u>	<u>Tanah Bandar atau Pekan</u>	<u>Tanah Desa</u>
Suratan Hakmilik	Pendaftaran	Pejabat Tanah
Jenis Suratan Hakmilik	Pajakan Selama 60 Tahun	Pajakan selama 60 Tahun
Premium	\$ 1000/- seekar atau sebahagian daripadanya.	\$ 300/- seekar atau sebahagian daripadanya.
Cukai Tahunan	\$ 100/- selot (Nominal)	\$ 10/- selot (Nominal)
Upah Sukat dan lain-lain bayaran	Kadar yang telah ditetapkan	Kadar-kadar yang ditetapkan

Syarat-syarat nyata:-

- (i) Tanah yang dipajakan ini hendaklah digunakan semata-mata untuk tapak sebuah gereja/ kuil dan tidak boleh digunakan untuk lain-lain tujuan.
- (ii) Pemajak hendaklah dalam tempoh dua tahun dari tarikh pendaftaran Suratan Hakmilik atau dalam tempoh yang telah dilanjutkan oleh Pihak Berkuasa Negeri mendirikan sebuah gereja/kuil yang jenis dan reka bentuknya telah diluluskan oleh Pihak berkuasa Tempatan dan selepas itu pemajak hendaklah menjaga dengan keadaan baik setaraf dengan kehendak-kehendak Pihak Berkuasa Negeri dan melainkan dengan kelulusan Pihak Berkuasa Negeri, tanah yang diluluskan ini tidak boleh digunakan untuk lain-lain tujuan.
- (iii) Pemajak hendaklah menyelesaikan segala cukai, bayaran-bayaran taksiran-taksiran dan sebarang apa jua bayaran yang mungkin dikenakan dari masa kesemasa keatas tanah yang dipajakan ini atau apa-apa bangunan diatasnya samada yang dikenakan oleh Pihak Berkuasa Tempatan atau lain-lain Pihak Berkuasa.

Sekatan Hak : Tanah yang dipajakan ini tidak boleh dipindahmilik, dipajak atau dicagarkan melainkan dengan mendapat kebenaran daripada Pihak Berkuasa Negeri.

2. Pemungut-Pemungut Hasil Tanah adalah dinasihatkan iaitu apabila menghantar surat-surat Ringkasan untuk dipertimbangkan oleh Majlis Mesyuarat Negeri hendaklah mematuhi dasar kerajaan yang disebutkan diatas supaya tujuan-tujuan sepenuhnya dapat dilaksanakan dengan baik dan sempurna.

T.T
(HAJI SULAIMAN BIN MOHD DON)
PENGARAH TANAH DAN GALIAN
SELANGOR

PTG.SEL. 0.317 (14)

KUALA LUMPUR
26HB NOVEMBER 1973